

**Ketamakan Manusia Berkuasa Dalam Novel *Nabatah* Karya  
Mohd. Khairy Haji Halimi**  
*Greed of People in Power in The Novel of “Nabatah”*  
*By Mohd. Khairy Haji Halimi*

Maryam Taib<sup>1</sup>  
marzack\_2009@yahoo.com

Roslan Chin<sup>2</sup>  
roslan.chin@usm.my

<sup>1, 2</sup> Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Received: 15 February 2022; Published: 17 June 2022

Cite this article (APA) as:

chin, roslan, & Taib, M. (2022). Ketamakan Manusia Berkuasa Dalam Novel *Nabatah* Karya Mohd. Khairy Haji Halimi . *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 73 - 86. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/153>

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti konflik dalam masyarakat yang terkandung dalam novel *Nabatah* karya Mohd. Khairy Mohd Halimy. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Teks utama kajian ini ialah novel *Nabatah*. Data daripada teks kajian dianalisis dengan mengenakan tematik melalui jadual pemetaan. Analisis dijalankan dengan menggunakan pendekatan satira melalui unsur-unsur ironis serta lucu tetapi sindiran yang tajam. Penulisan ini menemukan ketamakan kuasa dalam perebutan kepimpinan politik, dan projek pembangunan. Sikap tamak mewujudkan prasangka dalam masyarakat antara individu, kelompok dan kaum. Kesannya menimbulkan konflik, ketegangan dan pertelingkahan dalam masyarakat. Pembangunan yang tidak terancang menyebabkan alam semulajadi tidak dilestarikan. Individu yang tidak berilmu, tidak berkahlak dan tamak serta bagaihan haiwan bertopengkan manusia jika diangkat sebagai pemimpin akan menjadi barah dalam masyarakat dan negara. Kajian ini memberi pencerahan kepimpinan yang unggul dan bersifat global untuk diteladani oleh masyarakat. .

Kata Kunci: Tamak, Nabatah, Satira, Prasangka, *Manusia berkuasa*

## **ABSTRACT**

*This study aims to analyze the conflict in society contained in the novel Nabatah by Mohd. Khairy Mohd Halimy. This study uses a qualitative method with content analysis design. The main text of this study is the novel Nabatah. Data from the study text were analyzed by applying thematically through a mapping table. The analysis was conducted using a satirical approach, through elements of irony as well as funny but sharp satire. The finding shows that there were greed for power in the scrambles for political leadership, and development projects. Greed breeds prejudice in society between individuals, groups and races. It creates conflict, tension and strife in society. Unplanned development results in unpreserved nature. Individuals who are ignorant, immoral and greedy like an animal in human guise when appointed as leaders will become a cancer to society and the country. This study provides an enlightenment of superior leadership in global nature to be emulated by the community.*

*Keywords:* *Greed, Nabatah, Satire, Prejudice, people in power*

## **PENGENALAN**

Karya sastera mempunyai mod yang berbeza. Setiap karya cuba untuk membangkitkan pelbagai jenis perasaan dan sentuhan. Humor, ironi dan satira adalah elemen dalam kesusasteraan tetapi berbeza secara teknikalnya untuk mengungkapkan penceritaan. Malah karya yang bersifat thrillers menjadi

sebahagian daripada aspek yang kuat menyentuh sensitiviti pembaca. Karya sastera khususnya novel bersifat thrillers menurut Rosli Manas, A.Halim Ali & Ghazali Din (2021) adalah aspek penting yang dapat menggerakkan psikologi pembaca untuk terus meneroka makna dalam teks yang dibaca, juga pemikiran pengarang dalam kajian sastera. Pemikiran pengarang juga merupakan rangkuman idea pengarang yang beridentiti tersendiri untuk mengupas segala permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Isu yang ditonjolkan adalah gambaran dan rangkuman warna-warna kehidupan yang disusun dan dizahirkan dalam bentuk baris-baris ayat sehingga menjadi satu naratif yang lengkap dan sempurna. Manakala tingkah laku manusia dilahirkan melalui keperibadian yang terangkum dalam watak, ciri-ciri dan tingkah laku yang terdapat pada seseorang individu dan juga dalam suku kaum (Ariff, 2015). Personaliti pula merujuk keperibadian dan perwatakan. Lantaran itu, kajian ini adalah untuk mengupas secara rinci pemikiran pengarang tentang naratif keperibadian dan personaliti perwatakan melalui pendekatan satira dalam novel *Nabatah* karya Mohd. Khairy Haji Halimi yang menggunakan nama pena Maya Rimba. Karya ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015.

Unsur satira yang digarapkan dalam novel ini mempunyai hubung kait yang amat erat dengan unsur alamiah iaitu manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Isu-isu yang diketengahkan berkaitan dengan kepentingan memilih pemimpin yang baik, kepentingan menjaga hutan, sifat tamak dan sompong menyebabkan kehancuran dalam masyarakat. Kajian ini mempunyai justifikasi sebagai mengisi kelompongan analisis pengungkapan yang mengandungi unsur satira dalam novel *Nabatah*. Karya-karya sebegini perlu dibincangkan malah diangkat sebagai antara karya Melayu yang bijaksana dalam kerancakan negara dan bangsa dalam membina peradaban bangsa. Pada masa yang sama melestarikan alam semulajadi yang diperlukan oleh semua makhluk yang bernyawa di alam ini.

Objektif penulisan ini adalah untuk meneliti konflik dalam masyarakat melalui ketamakan, pertelingahan dan prasangka dalam masyarakat Melayu yang terkandung dalam novel *Nabatah* melalui pendekatan satira. Susulan dengan itu, penulisan ini membincangkan tentang perubahan fenomena masyarakat terutamanya berkaitan dengan aspek budaya dan kelestarian alam semulajadi. Novel *Nabatah* adalah bertemakan kepimpinan global. Pengkisahannya berlatarkan masyarakat moden yang mementingkan pembangunan sehingga mengabaikan nilai sosial seperti tanggungjawab sebagai pemimpin, tamak kuasa, dan kealpaan dalam melestarikan alam sebagai amanah yang akan diwariskan kepada anak cucu pada masa hadapan. Keistimewaan novel *Nabatah* dapat diteliti melalui perwatakan watak-watak binatang. Sebahagian besarnya watak menggunakan nama manusia. Isu yang diketengahkan dalam penulisan ini sarat dengan nilai dan pengajaran penting yang boleh dijadikan panduan kepada khalayak dalam memastikan masyarakat dan alam ini dapat dilestarikan dengan bijaksana.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Teks utama kajian ini ialah novel *Nabatah* karya Mohd. Khairy Haji Halimi. Huraian dan hujah disokong dengan fakta dan pernyataan yang dirujuk daripada jurnal, buku, al-Quran dan laman web. Data daripada teks kajian dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Analisis kandungan menurut A. Halim Ali (2019) sesuai digunakan ke atas data dalam bentuk kepustakaan seperti buku, teks, dokumen dan sebagainya Analisis dijalankan dengan bersandarkan pada konsep satira.

Satira berasal daripada bahasa Latin iaitu *Satura*. Kata asalnya ialah *full plate* atau sebuah pinggan yang penuh dengan pelbagai buah-buahan yakni *medley*, pelbagai jenis atau pelbagai rasa. Menurut Highet (1962: 18) :

*All good satires are aminently various. The original Latin word *satura* means “medly”, “hotch-potch,” and the best satirists have either known this or divined it. In plot,in discourse, in emotional tone,in vocabulary, in sentencestructure and pattern of phrase, the satirist tries always to produce the unexpected to keep his hearers and his readers guessing and gasping.*

(Highet,1962: 18)

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa sesebuah penulisan satira itu mempunyai pelbagai macam ‘rasa’ pemikiran sama ada yang menggembirakan atau menyakitkan. Sama seperti sebuah pinggan yang penuh dengan pelbagai buah-buahan yang rasanya ada yang manis, ada yang pahit, ada yang kelat dan sebagainya. Satira dalam bidang kesusasteraan diungkapkan dalam tiga teknik utama iaitu monolog, parodi, dan naratif (Highet, 2015). Satira bermaksud lucu. Tujuannya yang lebih besar adalah kritikan sosial yang konstruktif, menggunakan akal sebagai senjata dan sebagai alat untuk menggambarkan perhatian terhadap isu-isu tertentu dan lebih luas dalam masyarakat (Raj Kishor, 2012). Satira adalah satu cabang seni yang berfungsi untuk memperkecilkan watak dengan cara menjadikan *ridiculous*. Raj Kishor (2012) menjelaskan bahawa satira digunakan sebagai senjata utama dengan memberi sindiran yang tajam kepada seorang manusia, sejenis manusia, kelas manusia, suatu puak politik atau satu golongan manusia. Antara sifat-sifat kelemahan manusia yang sering dijadikan satira ialah ketamakan, pertelingkahan, prasangka dan pelbagai sikap yang menjadi lumrah dalam kehidupan manusia. Satira sering dimasukkan dengan unsur-unsur ironis, lucu, tetapi terasa sindiran yang amat tajam lagi berbisa.

## **SOROTAN KAJIAN**

Barginsky (1994), menyatakan bahawa kesusasteraan bukan sahaja sebuah pena pengarang tetapi kesusasteraan itu sendiri merupakan sejenis “pengarang” yang mentafsirkan kata-kata pada halaman memori manusia dan dengan demikian membentuk peribadi khayal pembaca. Oleh hal yang demikian, hasil karya sastera secara tidak langsung memperkenalkan pengalaman sendiri dan pengalaman asing berdasarkan realiti yang ada dan dikelilingi dengan bermacam-macam tanda dan alamat, menjadi pembimbing manusia memperbaiki perilaku dan mendidik peribadi.

Ketamakan ialah keinginan terhadap material dan kekayaan yang melebihi keperluan tanpa batasan. Kajian oleh Muhyidin Tahir (2013) tentang “Tamat Dalam Perspektif Hadis” menemukan bahawa tamak adalah (a) suatu keinginan yang terdapat pada diri seseorang untuk mendapatkan lebih dari apa yang dimilikinya, dan hanya untuk kepentingan diri sendiri dan tamak termasuk akhlak mazmumah apabila menjadi sifat dan karakter seseorang. (b) dampak tamak adalah bagi orang yang mempunyai harta tidak akan diberkahi oleh Allah baik di dunia maupun di akhirat. Dengan kuasa yang ada, tambahan pula seorang pemimpin maka situasi tersebut adalah dominan untuk memperoleh kekayaan secara tanpa batasan. Menurut Maryam Syafiqha Mohd Sayuti & Jamilah Omar (2017), pemimpin akan melihat sesebuah organisasi dengan perspektif yang lebih luas, menilai kesannya serta berusaha untuk mengembangkan pengaruh melalui kepelbagaian kemahiran, ilmu dan kepakaran supaya apa yang hendak dilakukan memperoleh persetujuan semua para pemimpin. Manusia berkuasa adalah seseorang pemimpin yang menggunakan pengaruhnya untuk memperoleh kekayaan atau menperoleh material yang bukan haknya.

Kajian S.Othman Kelantan (1986) “Pemikiran Satira dalam Novel Melayu” telah mencetuskan pandangan tentang pemikiran satira yang diungkapkan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu telah membawa makna siratan berkaitan dengan alam. Selain daripada itu, makna siratan tentang keperibadian dan kejadian turut membawa tafsiran terhadap keperihalan manusia dari perihal politik. Dalam kesusasteraan Melayu, banyak tindakan dan peristiwa politik yang diungkapkan secara simbolik oleh pengarang-pengarang Melayu dalam karya mereka dengan mengambil contoh novel tahun 1960-an yang amat menarik dalam pemikiran satiranya seperti *Langkah Kiri* oleh Yahya Ismail. Dalamnya terkandung ‘Ayam Jantan’ atau ‘Bapak Ayam’ dan ‘Tahi Ayam’ sebagai lambang dan imej untuk menyindir, mengecam dan mengejek manusia politik yang penuh kepalsuan.

Dari sudut kajian kepolitikan, Zabidin Ismail (2003) telah menganalisis *Pemikiran Politik dalam Novel-novel Ahmad Boestamam*. Beliau menemukan novel-novel Ahmad Boestamam banyak membawa pengungkapan secara realisme dan membincarkan persoalan politik dalam masyarakat serta tema-tema lain. Namun demikian, cara pengungkapan Ahmad Boestamam berbeza dengan pengarang sezaman dengannya seperti Ishak Haji Muhammad yang membawa persoalan politik secara satira. Ahmad Boestamam juga umum sebagai seorang tokoh politik berhaluan kiri di negara ini kerana terlibat aktif dalam kancan perjuangan politik tanah air sebelum dan selepas kemerdekaan. Beliau menjadikan novel sebagai medium bagi menonjolkan pemahaman dan cita-cita politiknya.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Aspek satira yang diberi penekanan dalam penulisan ini ialah sifat ketamakan, pertelingkahan dan prasangka yang telah menggugat keamanan dan keharmonian penghuni rimba. Novel ini membawa pemikiran satira secara sindiran dan tempelakan terhadap sikap manusia yang gilakan kuasa, gelojoh dalam memilih pemimpin, rakus dalam menguruskan alam dan terlalu mengejar kemodenan sehingga mengorbankan perpaduan dan keamanan negara.

Dikaji dari sudut judul novel, *Nabatah* bermaksud tumbuh-tumbuhan. Persoalannya, mengapakah kata “Nabatah” dipilih sebagai tajuk judul? Adakah frasa “Nabatah” itu sekadar merujuk isu alam sekitar sahaja atau penulis ingin memberi gambaran kepada kita tentang senario politik masyarakat Melayu kerana tulisan jawi atau istilah Arab itu sangat signifikan dengan masyarakat Melayu?

Dalam novel *Nabatah*, satiranya dijelmakan dalam bentuk *fabel* dengan latar pseudorealisme. Ruangnya dihuni oleh watak binatang yang diberi sifat serta tindak-tanduk tertentu dengan rujukan manusia. Penulis *Nabatah* telah memanipulasikan watak binatang dengan paparan pelbagai sifat karikatur seperti lucu, dungu, bodoh, bijak, lurus dan pak angguk. Kepelbagaiannya jenis sikap dan fiil ini menjadikannya sasaran yang menarik untuk menyindir kerencaman karenah manusia. Namun watak binatang tersebut sesetengahnya menggunakan nama manusia seperti Kamil, Nazim, Nanang dan Kasih.

*Nabatah* mengisahkan tentang kehidupan haiwan di alam rimba yang telah dicerobohi keasliannya. Kamil dan Kasih merupakan satu spesies yang mengharungi cabaran getir untuk terus hidup bahagia. Bagi menghadapi rima-rima kehidupan, mereka harus cekal merebut peluang mendapatkan tahap sosioekonomi yang lebih baik, keselesaan dan keamanan, walaupun terpaksa menghadapi halangan fizikal dan spiritual. Dalam masa yang sama, Kamil, Kasih dan kelompoknya bersaing hebat dengan kelompok Nazim dan Nanang yang juga tidak melepaskan peluang untuk mencapai apa yang dicita-citakan. Kelompok yang lebih besar yang diketuai oleh Rumpun dan Ruing, berhasrat untuk terus menguasai seluruh pucuk tanaman dan umbut di Wilayah Nabatah. Persaingan makin sengit. Peluang semakin sempit. Kehidupan semakin menyeksa.

Kebimbangan sentiasa menyaluti ruang kehidupan harian di wilayah bergolak yang dihuni oleh masyarakat majmuk. Kamil menggunakan kebijaksanaannya untuk merumus satu formula kesejahteraan dan kesamarataan agar semua penghuni di Wilayah Nabatah dapat hidup sebagai sebuah warga berjiran yang mengamalkan falsafah keharmonian, keadilan dan persaudaraan sejati. Namun, Wilayah Nabatah ialah wilayah tradisional yang tetap dipengaruhi kesan Wilayah Serasi yang diwarnai elemen pembangunan secara berperingkat-peringkat. Bersempadan pula dengan Wilayah Perkasa iaitu sebuah wilayah ekonomi berskala besar, mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan aspek keunggulan masyarakat yang majmuk. Kamil bersedia memerah minda kelas pertamanya, mengorbankan jiwa dan keringatnya bertekad merealisasikan Wilayah Nabatah agar membangun melalui acuan penghuni nusa itu sendiri.

### Tamak

Kata “tamak” dari segi istilahnya ialah keinginan hati yang kuat untuk mendapatkan sesuatu, dan dari segi bahasanya “tamak” bererti selalu ingin memperoleh banyak untuk diri sendiri; loba; serakah, dalam arti keinginan untuk memperoleh sebanyak-banyaknya (Muhyidin Tahir, 2013). Sifat “tamak” dalam penulisan ini adalah selaras dengan pengertian Kamus Dewan (2016) iaitu merujuk kepada sifat ingin memiliki sesuatu tanpa batasan, haloba, dan sesuatu perolehan yang tidak mencukupi menyebabkan seseorang membuat kerja-kerja yang terhina. Sural Al-Baqarah (96) bermaksud: “ Dan sungguh kamu akan mendapatinya mereka, manusia yang paling loba kepada kehidupan (di dunia), bahkan (lebih loba lagi) dari pada orang musyrik. Dari sudut pandang Islam, “tamak” adalah cinta kepada dunia (harta) terlalu berlebihan tanpa mempraktikan hukum halam atau haram yang mengakibatkan seseorang yang bersikap demikian memperoleh dosa. Masing-masing mereka ingin agar diberi umur seribu tahun, padahal umur panjang itu sekali-kali tidak akan menjauhkannya dari siksa Allah.” Sehubungan dengan itu, dalam penulisan ini kata “tamak” ialah perihal sifat yang buruk iaitu ingin memiliki sesuatu tanpa had yang sepatutnya. Berkaitan dengan amalam tamak dalam novel *Nabatah*, sifat tamak amatlah buruk tingkah lakunya dan ditolak oleh masyarakat keseluruhannya.

### **Tamak Kuasa**

Novel *Nabatah* oleh Mohd Khairi Halimi ini didapati menyindir dan mengejek manusia dalam kalangan pemimpin masyarakat. Lumrahnya, kuasa sering menjadi rebutan manusia. Untuk berkuasa perlu menjadi pemimpin. Dalam novel ini pengarang mengadunkan perwatakan binatang dan manusia untuk memaparkan sifat ketamakan kuasa. *Nabatah* adalah sebuah wilayah yang kaya dengan hasil bumi dan dihuni oleh pelbagai spesies binatang. Malangnya mereka terpaksa bersaing dengan manusia untuk memastikan wilayah yang dihuni terus aman. Ketamakan kuasa ini diungkapkan melalui kata-kata watak Kamil dalam rungutan dan keluhannya:

“Malang sekali kalau wilayah kesayangan kita ini menjadi medan perebutan kuasa. Perebutan kuasa ekonomi, kuasa masyarakat, kuasa budaya dan kuasa monopoli kolonial,” rungut Kamil sendirian. Kamil memerhatikan panorama sekelilingnya yang mula gondol.”

“Warga pewaris akan bertaburan tanpa mengekalkan adat budaya turun temurun. Sahsiah diri punah, integriti musnah...” Kamil mengeluh Panjang.

(Mohd Khairi, 2015,12)

Menerusi *Nabatah* pengarangnya secara langsung menonjolkan realiti konflik yang berlaku dalam negara iaitu perebutan kuasa untuk memonopoli ekonomi dan politik. Unsur kolonialisme yang diserapkan secara tidak langsung ketika penjajahan kuasa asing suatu ketika dahulu juga telah merosakkan budaya dan adat turun temurun masyarakat pelbagai bangsa dan agama dalam negara. Ketamakan kuasa menyebabkan hilangnya jati diri dan integriti dalam kalangan pemimpin. Pada masa kini masyarakat sering dihidangkan dengan isu salah guna kuasa, rasuah dan pecah amanah yang berlaku dalam kalangan pemimpin masyarakat. Pemimpin yang tamak, sanggup menggadaikan nilai kejujuran dan integriti seperti mana petikan berikut:

“Aku bimbang aku kalah dalam pemilihan kalau dilakukan secara undi sulit dan tertutup begitu.” Rumpun memaparkan kebimbangannya.

“Kita bantah cara pengundian itu. Kita desak supaya undian dilakukan secara terbuka sahaja, terang-terangan,” jawab Nazim mengampu.

“Tidak mungkin kerana Burung Kakak Tua sudah mengisyiharkannya.” Rumpun teragak-agak untuk mengambil keputusan nekad dan menyongsang begitu.

“Kalau begitu, kita musnahkan sahaja mereka berdua.” Nazim berniat jahat.” Rumpun bertambah terkejut sahaja Nazim bercakap begitu.

“Lebih baik kita cari penyokong supaya undian terhadap Kamil menjadi lebih banyak yang rosak,” desak Rumpun lantas mengajak Nazim beredara.

(Mohd Khairi 2015, 329)

Petikan di atas menjelaskan pengarang *Nabatah* menyindir sikap sebahagian pemimpin yang sanggup menipu demi untuk memiliki kuasa dalam politik. Setiap kali pilihan raya diadakan, terdapat pemimpin daripada parti politik tertentu yang sanggup membeli undi dengan menawarkan sejumlah imbuhan demi meraih sokongan masyarakat. Pengarang *Nabatah* secara sengaja menggunakan “daun pokok belian” sebagai ‘kertas undi’. Namun pokok belian tidak lagi ditemui. Ketiadaan pokok belian menimbulkan kekecewaan kepada pihak pemimpin yang tamakan kuasa, yang ingin memenangi pemilihan pemimpin melalui penipuan dengan pembelian undi. Petikan berikut menjelaskan: “Aku tidak tahu tempat daun pokok belian itu. Di wilayah kita ini, puas aku mencarinya tetapi pokok begitu tidak tumbuh... yang ada batang dan banirnya sahaja; dah tumbang sekian lama,” ujar Nazim yang kecewa. Rumpun serba salah, cita-cita dan angan-angannya melayang jauh (Mohd Khairi 2015 : 329).

Frasa “daun pokok belian” adalah untuk menyindir sesetengah anggota dalam masyarakat yang mudah ‘dibeli’ dengan wang ringgit dan janji manis ketika proses pilihanraya diadakan. Pengarang *Nabatah* juga menyindir segelintir penyokong pemimpin tertentu yang bersikap sebagai

pengampu. Mereka sanggup melakukan perbuatan terkutuk seperti menganiaya rakan politik sendiri mahupun orang yang menghalang mereka untuk mencapai cita-cita dengan apa-apa jua cara sekalipun. Lihat sahaja pada hari ini, masyarakat saban hari dihidangkan dengan berita-berita palsu dan pelbagai pertuduhan, fitnah dan hal-hal yang mengaibkan lawan politiknya. Sedangkan dalam perspektif agama Islam melarang perbuatan menfitnah dan juga mengaibkan individu, seperti mana firman-Nya (Al-Baqarah: 191) yang bermaksud : ... *dan fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan ...* (Abdullah Muhammad, 2013).

Fitnah merupakan suatu perkataan bohong atau tanpa dasar kebenarannya yang disebarluaskan dengan maksud menjelekkan orang lain seperti mencemarkan nama baik atau dalam bentuk kehormatan lainnya. Oleh sebab itu, Islam melarang umatnya untuk memfitnah orang lain, kerana hukumnya haram. Dalam Islam fitnah juga sering disebut dengan Al-Qadzaf serta dikategorikan sebagai kejahatan yang sangat besar. Manakala kata mengaibkan atau mencari kesalahan orang lain sangat dilarang dalam Islam. Firman Allah yang bermaksud: "... janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain ..." (Q:al-Hujurat:12). Ayat ini menjelaskan bahawa perbuatan mengintip dan mencari-cari kesalahan dan keaiban orang lain adalah satu perbuatan yang amatlah dilarang.

Fenomena ini bukan sahaja mampu membunuh karier politik seseorang, bahkan yang lebih menyedihkan lagi negara akan gagal dalam menyediakan pemimpin yang berwibawa dan berkarsima pada masa hadapan. Terdapat juga sesetengah pemimpin yang tamakan kuasa kerana ingin mengaut semua laba untuk kroni mereka sahaja. Pelbagai strategi digunakan untuk mencapai impian mereka termasuklah dengan menipu. Pengarang *Nabatah* secara sinis menyindir budaya politik kotor ini yang semakin berleluasa dalam kalangan ahli politik di negara ini seperti mana yang dijelaskan dalam petikan berikut: "Kejayaan kita nanti menjadi jaminan masa depan anak-anak kita juga. Kita boleh menguasai semua sudut utama. Kita letakan wakil kita di semua tempat pembangunan," kata Nazim begitu bangga, menyokong tipu muslihat Rumpun yang terkenal dengan sifat mazmumahnya (Mohd.Khairi, 2015:302).

Kuasa sangat penting dalam menentukan corak dan hala tuju kepimpinan sesebuah kerajaan. Namun begitu, kuasa yang diberikan hendaklah digunakan secara berhemah. Dengan kuasa yang ada, para pemimpin yang dipilih oleh rakyat hendaklah berintegriti dan melaksanakan amanah yang telah diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab. Pemberian projek atau pangkat mahupun jawatan tertentu tanpa mengikut saluran yang betul mengakibatkan pelbagai kerosakan dan kepincangan kepada negara. Sekiranya hal ini berlaku juga, tidak hairanlah jika suatu hari negara kita akan musnah kerana dipimpin oleh mereka yang tidak mempunyai *Nabatah* kredibiliti dan integriti.

Pengarang *Nabatah* menarafikan bahawa kemajuan dan pembangunan tanpa perancangan dan tidak diuruskan dengan tanggungjawab dan amanah oleh manusia yang berkuasa maka pelbagai kesan buruk kepada masyarakat dan negara. Pembangunan insan tidak lagi menjadi keutamaan. Hal ini diungkapkan oleh Mohd. Khairy (2015: 398)

Wilayah Nabatah mula tercalar keasliannya. Corak hidup dan cara berbudaya penghuninya juga sudah dipengaruhi oleh pembangunan fizikal Wilayah Perkasa dan Wilayah Murni. Pemaju Pembangunan wilayah lebih mengutamakan pulangan ekonomi berbanding dengan pembangunan insan bakal pemimpin berintegriti.

(Mohd. Khairy,2015: 398)

Dunia politik dalam negara pada masa kini dilihat begitu bercelaru sekali. Kecelaruan ini berlaku pada semua peringkat kepimpinan sama ada pucuk pemimpin tertinggi ataupun pada akar umbi. Corak dan budaya masyarakat pada hari ini pula telah diresapi dengan unsur materialistik yang tiada penghujungnya.. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2021, Malaysia jatuh ke kedudukan 62 berbanding tangga ke 57 pada 2020 (Suzalina Halid, 2022). Rasuah sudah menjadi budaya manusia berkuasa. Kesan rasuah kepada masyarakat di negara ini selari dengan pandangan Faizal Tehrani (2022) iaitu (a) kualiti perkhidmatan dan barang awam jatuh, (b) membuka laluan kepada projek-projek yang tidak diperlukan merupakan pembaziran wang, (c) penguatkuasaan tidak lagi berlaku dengan licin, (d) orang miskin bertambah miskin, (e) kemerosotan ekonomi, (f) diskriminasi dengan lebih layanan kepada perusahaan, dan (g) bencana alam dan kerosakan akibat

tangan-tangan manusia. Amalan rasuah tiada lagi rasa dosa. Nilai murni semakin terhakis didorong dengan rasa ketamakan yang tiada bertepian dalam kalangan masyarakat.

### **Prasangka Menimbulkan konflik**

Menurut Worchel, Cooper, Goethals, dan Olson (2000), pengertian prasangka dibatasi sebagai sifat negatif yang tidak dapat dibenarkan terhadap suatu kelompok dan individu anggotanya. Pengertian tersebut menjelaskan prasangka atau prejudis merupakan perilaku negatif yang mengarahkan kelompok pada individu berdasarkan pada keterbatasan atau kesalahan informasi tentang kelompok. Terangkum dalamnya sifat emosional, yang mudah menjadi motivator munculnya ledakan sosial. Menurut Mar'at (1981), prasangka sosial adalah dugaan-dugaan yang memiliki nilai positif atau negatif tetapi biasanya lebih bersifat negatif. Sedangkan menurut Brehm dan Kassin (1993), prasangka sosial adalah perasaan negatif terhadap seseorang semata-mata berdasarkan kepada keanggotaan mereka dalam kelompok tertentu. Dirumuskan bahawa prasangka sosial adalah penilaian terhadap kelompok atau individu yang didasarkan pada keanggotaan kelompok tersebut, atau ditujukan pada individu atau kelompok manusia yang berbeza dengannya atau kelompoknya.

Melalui novel *Nabatah*, penulisnya Mohd Khairy mengetengahkan konflik yang sering berlebar dalam kalangan masyarakat di negara ini. Prasangka dan prejudis terhadap sesuatu bangsa, kaum atau agama semakin hari semakin membimbangkan. Akibat prasangka yang bersarang dalam diri masyarakat, maka timbul isu-isu yang melibatkan hubungan antara kaum dalam aspek penggunaan bahasa, demensi agama, tingkah laku sosial, perlakuan fizikal, sektor pekerjaan, rasisme dan seumpamanya. Sifat prasangka ini menjadi duri dalam daging. Jika dibiarkan tanpa dirawat penyakit prejudis akan membarah dan seterusnya meledak dalam masyarakat. Petikan berikut menjelaskan:

“Kamil, apa lagi yang kau risaukan.” Kasih menegur Kamil.  
“Tentang tatasusila masyarakat di wilayah kita ini.”  
“Apa pentingnya sangat tatasusila pada zaman sekarang.”  
“Tanpa mengekalkan tatasusila dan nilai keharmonian yang unggul, kebebasan hanya akan berpaksi kesangsian dan keraguan.”  
“Bukankah setakat ini wilayah kita nampak tenang; Tiada pergaduhan.”  
“Itu cuma luaran sahaja; Memang warga di wilayah Nabatah nampak tenang dan bertoleransi tetapi riak gelombangnya boleh mewujudkan taufan yang lebih menggilir; Kalau tersilap kata …,” pesan Kamil lagi.  
Kerisauan Kamil mengganggu ketenangan hidupnya.

(Mohd Khairy, 2015: 48)

Situasi dalam petikan tersebut menjelaskan tentang kebimbangan Kamil sebagai pemimpin kecil dalam masyarakat berkaitan prasangka dalam kalangan penghuni wilayah Nabatah. Sikap Nazim dan Nanang yang meragui ketulusan Kamil yang sentiasa menjaga keselamatan dan kebajikan penduduk Wilayah Nabatah sering dipersoalkan. Nazim dan Nanang menyangka Kamil tidak membenarkan mereka ke seberang sungai yang terdapat pokok-pokok yang berpucuk muda kerana mereka menyangka Kamil dan Kasih ingin membolot kawasan makanan di situ. Mereka sering menyindir antara satu sama lain dan menyemai kebencian antara satu sama lain. Perbuatan menyindir dijelaskan:

“Di sana banyak halangan, itu kawasan larangan. Di bahagian luar dipasang pagar elektrik, ada diletakkan tanda isyarat dan amaran dengan gambar senapang sekali.”  
“Kau takut mati?” Sindir Nazim.  
“Tidak, mengapa aku harus takut mati.” Kamil membala tomahan Nazim yang berbaur sindirin. Sudahlah berbadan kecil, penakut pula,” sindir Nazim lagi.

(Mohd Khairy, 2015: 48)

Penulis *Nabatah* membidas segelintir masyarakat yang sering bersangka buruk atas setiap tindakan yang dilakukan oleh pemimpin yang ikhlas. Terdapat pemimpin yang berusaha membawa perubahan dan kemajuan dalam masyarakat, ditolak atas alasan perbezaan idealogi politik, agama dan budaya. Masyarakat seharusnya mempunyai kesedaran dan berlapang dada bahawa tidak semua pemimpin yang dipilih mempunyai sikap yang buruk. Akibat dikaburi prasangka dan prejudis yang melampau maka ada segelintir membelakangkan dan mempertikai segala bentuk usaha yang dilakukan walaupun semuanya itu adalah untuk kepentingan bersama. Lihat sahaja pada masa kini, di negara kita isu-isu sentisif sering kali dicetuskan oleh pihak tertentu atas kepentingan diri sendiri, rasis atau kerana anutan ideologi yang tidak sealiran dengannya. Kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu perkauman, agama, hak bumiputera dan orang Melayu sering menjadi pertikaian dalam media sosial. Sentimen-sentimen seperti disebutkan tersebut bukan sahaja menyebabkan rasa ketidakpuasan hati dalam diri sesetengah individu atau kaum dan masyarakat. Kesannya hubungan antara kaum dalam kalangan masyarakat menjadi renggang.

Oleh sebab itu, untuk mengelakkan daripada isu sebegini terus dimainkan dalam kalangan masyarakat, para pemimpin haruslah bersikap adil, menghormati antara satu sama lain serta memastikan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang harmoni. Penulis *Nabatah* menonjolkan watak kepimpinan Kamil yang wajar dicontohi oleh pemimpin masyarakat seperti mana dalam petikan, “Rumpun hidup berpegang pada falsafah Kamil. Kamil mementingkan hidup yang sejahtera, kesamarataan dan keharmonian” (Mohd Khairy, 2015: 63). Adalah menjadi tanggungjawab semua ahli masyarakat untuk memastikan keharmonian dalam kalangan masyarakat terus terjamin. Sikap prejudis terhadap komuniti, kaum atau individu tertentu sedikit sebanyak akan mencalarkan keamanan dan ketenteraman negara. Setiap ketidakpuasan hati hendaklah dinyatakan melalui saluran yang betul agar dapat diselesaikan dengan penuh hikmah dan bertatasusila.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan yang pesat di sesebuah negara adalah impak daripada permodenan dan perkembangan yang berlaku diseluruh dunia. Proses pembangunan dan kemodenan yang berlaku dalam sesebuah negara adalah sesuatu yang tidak boleh disekat. Dari sudut ekonomi, alam sekitar yang membabitkan kawasan hutan dan kawasan tanah tinggi dianggap sebagai sumber ekonomi yang perlu dibangunkan dan dimajukan. Namun begitu, adalah sesuatu yang amat menyedihkan apabila kita gagal melestarikan alam sekitar sebagai aspek yang amat penting sehingga berlaku kepincangan dalam merancang dan menguruskan pembangunan. Mohd Khairy menerusi *Nabatah* mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat akibat ketamakan. Masyarakat peniaga ubat-ubatan tradisional contohnya memungut hasil hutan dengan rakus sehingga menyebabkan ekosistem flora dan fauna terganggu. Sifat tamak tersebut dijelaskan:

Sebahagian besar tumbuhan di Wilayah Nabatah hidup segan mati tak mahu kerana kebanyakannya telah menjadi mangsa; direnggut oleh mergastua tanpa rasa tanggungjawab atau pengusaha ubat-ubatan yang lebih mementingkan motif keuntungan berbanding dengan nilai kebijakan dan sifat unggul perikemanusiaan.

(Mohd.Khairy.2015: 354)

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan apa juga yang menimpa kamu daripada sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (daripada perbuatan yang salah dan berdosa) dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu” (Ash-Shura, 42: 30). Allah SWT menciptakan bumi dengan peraturan yang sangat hebat. Air sungai yang mengalir memberi manfaat kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Jika ekosistem digangu, kesannya adalah bencana alam yang menjelaskan ketetapan sunnatullah terhadap kehidupan alam ini. Tatkala sumber alam dimanfaatkan dalam kehidupan, ada pihak bersikap sambil lewa terhadap penjagaan ekosistem alam. Gunung, bukit dan hutan digondolkan demi mengaut keuntungan. Sisa kimia yang dibuang ke dalam sungai mengakibatkan hidupan air musnah. Udara persekitaran terdedah kepada pelbagai bentuk pencemaran.

Firman Allah yang bermaksud: “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk

yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)” (Q:*Ar-Rum*: 41). Tafsiran ayat Al-Quran tersebut memberikan isyarat bahawa segala kerrosakan yang berlaku di darat mahupun di lautan berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Dalam novel *Nabatah*, pengarangnya memaparkan sikap manusia yang begitu rakus merosakkan alam semulajadi. Sebahagian daripada hutan yang menjadi imbalan kehijauan alam semula jadi mula dihiasi dengan landskap yang berwarna-warni. Pokok-pokok seperti cengal, jati, keruing dan leban ditebang. Kawasan hutan mula digondolkan untuk dibangunkan. Selain daripada itu, banyak taman perumahan dalam taman dan bandar-bandar didirikan secara terancang. Nilai estetika alam semula jadi beransur-ansur dipinggirkan. Ketamakan manusia dalam mengejar pembangunan diperlihatkan oleh pengarang *Nabatah* seperti berikut:

Wilayah Perkasa dan Wilayah Serasi mesti dibangunkan mengikut jadual. Kerja-kerja pembangunannya tiada siapa pun mampu menghalangnya. Wilayah Perkasa tetap dimajukan sebagai keutamaan. Wilayah ini akan terus kekal dibangunkan mengikut perancangan awal pengurus projeknya yang terdahulu.

(Mohd Khairy.2015:358)

Walaupun ada bantahan daripada sebahagian masyarakat setempat termasuklah tindakan sabotaj merosakkan jentera pembinaan, kerja-kerja pembangunan tetap diteruskan. Sabotaj itu bertujuan melambatkan dan menggagalkan projek. Namun kerja pembinaan tetap diteruskan tanpa mengira waktu dan cuaca. Kesannya, berlakulah siri pergaduhan kecil yang semakin membara menjadi besar dan mengakibatkan kemasuhan harta benda. Itulah rupanya pembangunan fizikal yang dilakukan tanpa memikirkan faktor kebijakan dan faktor sampingan. Pengarang *Nabatah* menyindir tindakan yang dilakukan oleh sebahagian ahli perniagaan atau pemaju yang mementingkan diri sendiri dengan mengutamakan projek pembangunan demi mengaut keuntungan tanpa memikirkan kesan yang bakal terjadi akibat tindakan mereka memajukan kawasan hutan tanpa perancangan yang rapi. Bukan itu sahaja, pemaju juga tidak memikirkan kebijakan penduduk tempatan ketika membangunkan sesuatu kawasan. Dewasa ini, terdapat kawasan pedalaman seperti di Hutan Simpan Kekal Gunung Inas di Mahang telah dirosakkan dengan aktiviti pembalakan tanpa kawalan dan aktiviti perlombongan (Roshila Murni, 2019). Akibat daripada aktiviti tersebut, kini penduduk di Kampung Ulu Mahang Kulim Kedah terpaksa menghadapi banjir lumpur setiap kali hujan lebat melanda. Penduduk kehilangan harta benda dan terpaksa menanggung kerugian akibat banjir. Setiap kali hujan lebat mereka dibimbangi dengan perasaan risau dan resah. Beginilah akibat sikap ketamakan sebahagian pemaju untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan kesan kepada masyarakat.

Penulisan ini mendapati pengarang menempelak sikap manusia yang mengabaikan kepentingan memelihara kelestarian sungai yang menjadi punca utama bekalan sumber air kepada manusia. Sungai-sungai juga menjadi mangsa ketamakan manusia dalam mengejar pembangunan. Kebimbangan serta harapan masyarakat agar sungai tetap dipelihara kelestariannya diwakilkan melalui watak Kamil seperti mana yang diungkapkan pengarang *Nabatah*:

... Kamil berdoa dan bertekad, suatu ketika nanti anak sungai di situ dapat dikekalkan aliran airnya seperti semulajadi. Walaupun aliran airnya lesu tetapi jernih, bersih dan tiada bahan pencemaran alam. Biarlah anak sungai itu kekal menjadi lubuk dan gelanggang permainan anak-anak ikan berkejar-kejaran. Harapan Kamil, tempat itu akan menjadi tempat yang paling sesuai untuk berbagai-bagai spesies ikan membiak. Hidup berharmoni, hormat-menghormati.

(Mohd Khairy.2015:356)

Secara izharnya, pengarang ingin menceritakan implikasi pembangunan terhadap sungai-sungai di Malaysia. Lebih 80 peratus sungai di bandar-bandar utama di negara ini boleh dianggap sungai ‘mati’ akibat pencemaran terutamanya akibat daripada pembuangan sisa industri ke dalam sungai (Anita, Ahmad, Raziatul Hanum, Azlina & Syajaratulhuda, 2019). Akibat pembangunan pesat yang tidak terkawal, kebanyakan sungai di bandar kehilangan keupayaan ekosistem untuk membekalkan air

bersih, memproses kumbah dan mengekalkan produktivitinya. Kesannya terdapat sungai yang telah pun berada pada tahap nazak dengan dipenuhi sampah sarap, malah membentuk pulau kecil, menyebabkan air sungai berubah warna kehitaman dan mengeluarkan bau busuk.

Penulis *Nabatah* jelas cuba menyedarkan masyarakat bahawa sikap ketamakan mengejar laba semata-mata tanpa memikirkan implikasi kepada alam menyebabkan berlakunya kerosakan terhadap sungai yang menjadi sumber air utama negara. Usaha untuk menyelamatkan sungai daripada terus tercemar perlu diberi tumpuan terutamanya di kawasan empangan atau kawasan tадahan air. Masyarakat sepatutnya sedar bahawa sungai sepatutnya dilindungi dan dipelihara untuk selama-lamanya. ‘Ketamakan’ dalam novel *Nabatah* ini menyebabkan manusia tanpa rasa bersalah membakar hutan-hutan untuk tujuan pembangunan, manakala kehidupan di dalamnya terjejas dan terancam seperti mana diungkapkan dalam *Nabatah*:

Laluan penuh cabaran dan halangan mesti ditempuhi dengan tabah. Kamil berlari dan sesekali meloncat pantas, mencari laluan yang lapang supaya cepat tiba ke destinasi. Dalam kotak minda Kamil hanya terbayang kepulan asap dan api yang menjulang tinggi membakar, meratah dan memusnahkan segala muatan rimba yang selama ini penuh dengan keaslian dan penghuni majmuk yang berbagai-bagai ragam budaya.

(Mohd Khairy 2015:398)

Pembakaran hutan untuk pembangunan telah menyebabkan kekalutan dan ancaman kesihatan awam akibat daripada jerebu yang kronik. Jelas di sini bahawa sifat tamak manusia untuk memusnahkan hutan bagi tujuan pembangunan tanpa kawalan akan mendatangkan keburukan terhadap manusia dan alam sekitar.

### **Pertelingkahan Merosakkan Perpaduan**

Malaysia memang sudah sinonim dengan masyarakat majmuk yang bercirikan pelbagai kaum dan juga agama. Sejak kita mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, masyarakat Malaysia hidup dalam suasana harmoni dan tenteram. Bagaimanapun ada peristiwa hitam yang bertitik dalam kesejahteraan kehidupan masyarakat majmuk di negara ini seperti rusuhan kaum dalam Peristiwa 13 Mei 1969. Selepas peristiwa tersebut, adakalanya tiupan angin pergolakan dalam kalangan masyarakat agak kelihatan walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memupuk perpaduan. Pertelingkahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat sedikit sebanyak telah menggugat keamanan yang telah lama dikecapi. Persoalannya, apakah yang punca-punca yang menyebabkan berlakunya pertelingkahan?

Secara analoginya, pertelingkahan berpunca daripada perselisihan faham atau percaduhan yang berlaku akibat perasaan tidak puas hati tentang sesuatu perkara. Dalam masyarakat di negara ini khususnya, pertelingkahan biasanya terjadi akibat daripada beberapa isu sensitif dimainkan oleh pihak tertentu untuk tujuan tertentu. Sebagai contohnya, terdapat pihak yang berkepentingan cuba memperalatkan isu-isu perkauman untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu seperti ekonomi dan politik. Begitu juga persaingan untuk mendapatkan kepentingan ekonomi mewujudkan persaingan antara kumpulan etnik tertentu. Oleh sebab itu, terdapat kumpulan etnik yang berlumba-lumba untuk menuntut pelbagai keistimewaan daripada pemerintah hingga menimbulkan konflik. Wujudnya konflik adalah kerana berlakunya persaingan. Asasnya konflik berlaku antara individu, atau individu dengan kelompok masyarakat, atau antara kumpulan dalam sesbuah masyarakat. Bagi mencapai matlamat, pesaing yang terbabit perlu ditewaskan tanpa mengambil kira kaedah pelaksanaannya. Konflik pula boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti pembahasan, penawaran pertandingan dan juga paksaan atau kekerasan.

Penelitian terhadap novel *Nabatah* dari pendekatan satira memaparkan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat. Pengarang *Nabatah* mendedahkan sikap kalangan penghuni rimba yang gemar bertelingkah antara satu sama lain. Antaranya pertelingkahan yang berlaku dalam keluarga biawak sehingga menimbulkan keresahan ibu dan bapa biawak. Kebanyakan masalah yang berlaku dalam keluarga biawak timbul tanpa mengetahui puncanya tetapi saling berhubung kait antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat melalui petikan:

“Apa khabar Kamil?” tiba-tiba sepasang biawak datang menghampiri Kamil dan Kasih.

Kamil memerhatikan biawak jantan yang kelihatan marah.

“Apa yang sudah terjadi?” Kamil bertanya.

“Anak jantan kami sentiasa sahaja bergaduh sesama mereka, semua kawannya mengadu, sehingga ada yang cedera parah,”ujar biawak betina.

(Mohd Khairy.2015:180).

Mohd Khairy dalam *Nabatah* telah mengambil sifat binatang iaitu biawak sebagai satira kepada sifat manusia yang suka bergaduh. Pengarang dengan jelas mahu menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa manusia yang bersikap seperti biawak memang ada dalam kalangan masyarakat. Mereka suka bergaduh sesama sendiri ataupun dengan orang lain. Manusia yang bersikap seperti biawak iaitu suka bergaduh dengan orang lain sering kali menyebabkan keamanan dan kedamaian dalam kalangan masyarakat tergugat. Mereka akan menyalahkan orang lain ketika sesuatu pertelingkahan berlaku walaupun punca berlakunya bergaduhan tersebut akibat sikap mereka yang suka menimbulkan provokasi atau kemarahan kepada orang lain. Pengarang *Nabatah* memaparkan sikap negatif biawak berdasarkan petikan berikut:

“Anak Ayam Hutan menuduh Along yang mengugut hendak menangkap dan memakannya.” Along terus membela diri.

“Ini sudah berlaku salah faham. Bapa Ayam Hutan bertindak melulu tanpa periksa asal kejadian.” Biawak betina menyebelahi anaknya.

(Mohd Khairy 2015: 185)

Begitulah senario yang berlaku pada hari ini, pertelingkahan yang terjadi dalam kalangan masyarakat pada dasarnya berpunca daripada sikap ahli keluarga yang suka bertelingkah seterusnya terbawa-bawa dalam pergaulan sehari-hari. Sikap anak Biawak yang suka bergaduh dan besar kepala menyebabkan Biawak sering bergaduh dengan penghuni rimba yang lain. Pengarang menempelak sebilangan ibu bapa yang gagal membentuk sebuah keluarga yang bahagia melalui gambaran keluarga Biawak yang porak peranda. Seterusnya, pengarang menyelitkan solusi untuk menyelesaikan masalah pertelingkahan dalam kalangan keluarga melalui peranan Kamil yang bertindak sebagai ketua rimba. Melalui perwatakan Kamil diperlihatkan solusi untuk menyelesaikan masalah pertelingkahan dalam kalangan keluarga iaitu ibu bapa perlu membimbang anak-anak agar dapat berkomunikasi secara mesra untuk mengelakkan salah faham sesama sendiri. Masalah dalam keluarga sebaik-baiknya diselesaikan dengan cara berbincang sesama ahli keluarga. Bagi Kamil masalah keluarga adalah rahsia kelemahan keluarga dan tidak wajar dipanjangkan kepada masyarakat luar. Anak-anak yang membesar mengikut acuan iklim persekitaran yang sering meminggirkan adat dan budaya akan menyebabkan mereka bersikap individualistik. Impaknya, keluarga yang tidak harmonis akan menimbulkan keresahan dan kegelisahan kepada ibu dan bapa sebagai pengurus rumah tangga.

Seterusnya menerusi *Nabatah*, pengarangnya menyelitkan sindiran terhadap masyarakat pada masa kini yang bersifat nafsi-nafsi iaitu hanya melihat keburukan yang berlaku dan mengkritik disebabkan masalah tersebut tidak berlaku kepada dirinya dan ahli keluarganya sahaja. Mereka hanya melihat kerosakan yang berlaku namun tidak berusaha untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

“Kerana masyarakat sekarang suka menjadi kumpulan peneliti dan hanya mengira kesilapan kita sahaja!” Biawak betina menyampuk.

“Sepatutnya sebarang bentuk kesilapan dan kelemahan menjadi tanggungjawab masyarakat untuk diperbetulkan sebelum menjadi lebih parah. Hanya sebagai bahan tontonan dan perbandingan sahaja!” Kasih menyampuk berdasarkan pengalamannya.

(Mohd Khairy 2015: 182)

Penulis juga mendapati antara faktor pertelingkahan dalam kalangan masyarakat berdasarkan novel *Nabatah* ialah sikap negatif masyarakat seperti suka menghina dan merendah-rendahkan martabat orang lain. Menerusi watak Tuk Gajah, pengarang *Nabatah* menonjolkan perwatakan gajah yang besar dan kuat tetapi tidak menggunakan kelebihannya itu untuk membantu penduduk rimba yang lain sebaliknya menghina dan merendah-rendahkan haiwan yang kecil seperti kerengga. Hal ini dijelaskan:

“Mengapa boleh terjadi pergaduhan?” Kamil bertanya.

Timbul kesangsian; Apa niat tersirat Tuk Gajah mengganggu kumpulan Kerengga yang sekian lama bermastautin di situ.

“Tuk Gajah menghina asal keturunan Kerengga; macam-macam celaan dihamburkan untuk membangkitkan kemarahan kelompok Kerengga. Aku dengar pun turut sakit hati dengan penghinaan begitu,” jawab Merbau lagi.

(Mohd Khairy, 2015: 205)

Sikap menghina dan merendah-rendahkan orang lain sememangnya berlaku dalam kalangan mana-mana masyarakat. Kebiasaannya individu atau masyarakat yang memiliki harta kekayaan dan berstatus elit sering memandang rendah terhadap golongan miskin. Adakalanya golongan ini sering mengambil kesempatan atas kelemahan dan kesempitan orang lain untuk mengaut keuntungan. Begitu juga analogi besar ‘gajah’ seperti yang terdapat dalam novel *Nabatah* adalah besar kedudukan dan kuasa. Dengan memiliki kuasa dan kedudukan, kebanyakan manusia lupa bahawa kuasa dan kedudukan tersebut sepatutnya digunakan untuk membantu orang lain yang sedang menghadapi kesusahan. Terdapat juga segelintir pemimpin masyarakat mahupun di peringkat atasan negara yang bersikap sedemikian. Bukan sahaja menghina dan merendah-rendahkan harga diri orang lain malah mereka juga sering melabel golongan miskin pemalas dan sebagainya. Melabelkan orang lain pemalas oleh pihak tertentu sememangnya menimbulkan kemarahan, seterusnya pertelingkahan seperti mana dalam petikan berikut: (2015: 75)

“Apa yang terjadi ?” Kamil cuba membuka cerita.

“Monyet tua itu menuduh aku pemalas; Sengaja mencari peluang. Untuk mengisi perut pun menunggu rezeki datang bergolek di depan mata,” Ular Sawa Cindai menyuarakan kemarahannya.

“Apa yang kau lakukan selepas itu?” tanya Kamil.

“Berkali-kali mereka mengejek. Sabar ada hadnya.” Ujar Ular.

(Mohd Khairy, 2015: 75)

## RUMUSAN

Melalui perbincangan di atas, didapati penulis *Nabatah* berupaya membawa persoalan masyarakat, kemanusiaan dan pencarian diri pada watak-watak binatang dalam novel tersebut. Unsur satira yang diketengahkan dalam kajian ini secara umumnya menyindir golongan pemimpin yang gagal membentuk masyarakat yang harmoni dalam sesebuah negara. Hal ini berpunca daripada sifat pemimpin itu sendiri yang tidak mempunyai kredibiliti dan keterampilan sebagai seorang pemimpin. Novel *Nabatah* menarafitkan keunggulan keperibadian dan personaliti watak Kamil sebagai pemimpin iaitu Sang Kancil sebagai pemimpin rimba yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang unggul. Penulisan ini mendapati penulis *Nabatah* ingin menekankan konsep kepimpinan yang unggul dan bersifat global untuk diteladani oleh masyarakat.

Pengarang *Nabatah* telah mencirikan pemimpin yang ideal dan unggul. Ciri-ciri pemimpin unggul yang dikemukakan dalam novel tersebut ialah seorang pemimpin akan berusaha mempertahankan kedaulatan tanah airnya daripada dicerobohi dan direnggut oleh kuasa asing. Selain daripada itu, pemimpin yang unggul juga dapat mentransformasikan kehidupan masyarakat ke arah yang lebih moden dan maju tetapi mengelakkan keaslian warisan dan jati diri dalam diri masyarakat. Seterusnya, pemimpin yang unggul menurut penulis *Nabatah* ialah kepimpinan yang mengutamakan

nasionalisme dengan menolak unsur-unsur asing yang cuba menyerap dalam budaya dan politik tanah air. Penulis *Nabatah* juga menekankan tentang keperluan seseorang pemimpin mencari ilmu pengetahuan bagi memperkuuh kepimpinannya. Pemimpin yang tidak mempunyai ilmu akan diperlekeh dan dipersoal sedikit demi sedikit. Status kewibawaannya akan luntur dan terhakis kerana kurangnya ilmu kepimpinan untuk berinteraksi dengan warga yang berbagai-bagai latar belakang dan sosiobudaya.

Seterusnya unsur satira dalam novel *Nabatah* karya Mohd.Khairy Haji Halimi juga menyindir dengan tajam sikap negatif segelintir pemimpin dan masyarakat bersikap tamak, suka bertelingkah dalam sesuatu perkara dan berburuk sangka antara satu sama lain. Ketamakan dalam apa jua perkara akan merugikan diri sendiri, masyarakat dan negara. Begitu juga pertelingkahan yang berlaku dalam masyarakat, penulis *Nabatah* dengan jelas memaparkan perwatakan haiwan-haiwan yang suka bergaduh seperti ular, monyet dan biawak. Manusia yang bertopengkan sifat binatang tersebut sememangnya terdapat di mana-mana sahaja. Jika dibiarkan dan menunggang menjadi pemimpin, menjadi barah dalam masyarakat yang akhirnya membawa kepada kemusnahan dan kehancuran. Sikap buruk sangka perlu dijauhi kerana ‘penyakit hati’. Hal ini bukan sahaja menyebabkan kehidupan inividu tersebut tidak tenteram malahan akan menyalaikan api permusuhan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Cerpen ini juga berjaya menunjukkan wujudnya komunikasi dalam naluri pengarang. Naluri ini menurut Ghazali Din & A. Halim Ali (2020) dapat memperkutkan sensitiviti pengarang tatkala ingin menyampaikan sindiran dan kritikannya. Akhirnya, di tangan rakyatlah terletaknya pilihan sama ada mahu menjaga atau membiarkan keamanan negara tergugat.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019). *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalma Kesusastraan Melayu*. Klang: MZU Edu Publications.
- Abdullah Muhammad Alu Syaikh. (2013). *Tafsir Ibnu Katsir* (Jilid 1). Cetakan keenam. Pustaka Imam asy-Syaf'i.
- Al-Quran. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Anita Abu Hasan, Ahmad Ismadi, Raziatul Hanum A.Rajak, Azlina Othman dan Syajaratulhuda Mohamad Rosli. (2019, Mei 25). 80 Peratus Sungai Bandar ‘Mati’. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/48932/BERITA/Nasional/80-peratus-sungai-bandar-mati>
- Ariff Mohamad. (2015). Pengungkapan Keperibadian Secara Simbolik dalam Dua Novel Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 230 - 243. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1166>
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (1996). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Edisi Kedua. Jakarta: Balai Pustaka, hal. 997.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepenggarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Faizal Tehrani. (2022, Januari 26). *Betapa babinya rasuah*. MalaysiaKini. <https://www.malaysiakini.com/columns/608414>.
- Highet, G. (1962). *The Anatomy of Satire*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Highet, G. (2015). *Anatomy of Satire*. In: Princeton Legacy Library, 1353. Princeton University Press / 1962. DOI: <https://doi.org/10.1515/9781400849772>
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (2019). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 46 - 85. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Manas, R., Ali, A. H., & Din, G. (2021). Elemen thriller Islam dalam novel ‘Bidadari Bermata Bening’ Karya Habiburrahman El-Shirazy. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 1 - 19. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/135>
- Maryam Syafiqha Mohd Sayuti, Jamilah Omar. (2017). Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Jilid 5/Jan/2017, 171-192. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/52/25>.
- Muhyidin Tahir. (2013). Tamak dalam Perspektif Hadis. *Jurnal Al Hikmah* Vol. XIV Nomor 1/2013
- Raj Kishor Singh. (2012). Humour, Irony and Satire in Literature. *International Journal of English and Literature (IJEL)* ISSN 2249-6912 Vol. 3, Issue 4, Oct, 65-72.

- Roshila Murni Rosli. (2019). Kontraktor, Pekerja Ditahan Ceroboh Hutan. *Sinar Harian*. 20 September.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/48694/EDISI/Utara/Kontraktor-pekerja-ditahan-ceroboh-hutan>
- Suzalina Halid. (2022, Januari 25). Malaysia tangga ke 62 indeks persepsi rasuah 2021. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/915554/malaysia>
- Worchel, S., Cooper, J., & Goethals, G. R. (2000). Understanding Social Psychology. ThriftBooks-Chicago:  
Brooks/Cole Pub Co.